

28/10/2002

Rakyat Amerika sendiri bosan laporan CNN

Kadir Dikoh

LORRAINE Hahn, CNN, Hurricane Kenna, Presiden George W Bush dan keganasan!

Itulah antara nama di pusat peranginan Los Cabos di sini.

Jangan terkejut, Hahn yang amat popular di Asia terutama melalui program Talk Asia di Cable News Network (CNN) tidak begitu dikenali, terutama di Amerika Syarikat dan Amerika Latin termasuk Mexico.

"Apa yang anda tengok dalam siaran CNN di Malaysia (Asia pun) tidak keluar di Amerika. Ia cuma CNN versi Asia dan kebanyakan pengacara CNN di Amerika ialah orang Amerika sendiri," kata seorang wartawan Malaysia yang berpejabat di New York.

Hahn berada di Los Cabos sekarang dan malam kelmarin turut serta pada majlis jamuan dihoskan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di hotel penginapannya. Hadir sama Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Tan Sri Azman Hashim, diplomat dan wartawan Malaysia.

Hahn yang baru-baru ini berada di Kuala Lumpur untuk menemuramah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi program Talk Asia, rupanya amat peramah, tak berhenti bercakap dan kebetulan pula dia duduk bertentangan dengan Rafidah, di sebelah Timbalan Perdana Menteri.

Tetapi Hahn tidaklah secantik wajahnya ketika mengacarakan program itu, mungkin tanpa 'make-up'.

Hahn berada di Los Cabos untuk menjadi pengacara satu majlis Sidang Puncak Ketua Eksekutif (CEO) sempena mesyuarat Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang disertai peniaga terkemuka dari 21 negara anggota.

Menurut rakan wartawan lagi, CNN versi Amerika lebih suka membuat laporan berbentuk provokasi seolah-olah rangkaian itu mahu mendesak Bush cepat-cepat menyerang Iraq, hentam orang Islam dan memaparkan apa saja keburukan mengenai umat sejagat.

"Saya tonton CNN setiap malam di New York, tetapi amat berlainan daripada apa yang anda tonton di Malaysia. Cerita mengenai kawasan Asia terutama Asia Tenggara, cuma yang buruk-buruk belaka disiarkan seperti kejadian di Bali, peristiwa di Selatan Filipina atau apa saja yang tidak baik," katanya.

Tetapi tidak semua rakyat Amerika suka laporan CNN atau tindakan Bush dalam isu Iraq dan cara menangani keganasan antarabangsa.

Misalnya, Joe Martinez dari Arizona, mengutuk Bush dan tidak anti-Islam.

"Semua negara ada pengganas. Penembak curi di Maryland, Amerika juga boleh dianggap pengganas. Kita mahu hidup aman, tapi Bush pula beria-ia mahu berperang," katanya yang datang ke meja sekumpulan wartawan Malaysia ketika makan di sebuah restoran di Bandar Cabo San Lucas, kelmarin.

Bush tiba di Los Cabos pagi kelmarin (Sabtu) dalam keadaan pusat peranginan ini dilanda angin kuat, kesan Hurricane Kenna yang menimpa perkampungan nelayan sekitar serta pusat peranginan Mazatlan dan Puerto Vallarta di tanah besar Mexico.

Nasib baik angin taufan Kenna itu tidak melandas Los Cabos. Pada sebelah petang dan malam di sini, anginnya begitu kuat, menyebabkan keadaan kering di siang hari, menjadi sejuk. Angin kuat kesan Hurricane itu juga menyebabkan khemah tempat yang disediakan untuk jamuan malam sosial sempena Apec, roboh tetapi tiada siapa cedera.

Bagaimanapun, menurut beberapa penduduk tempatan, Los Cabos kini kesunyian daripada pelancong kerana kawasan ini seolah-olah dipagar dengan

kehadiran pihak keselamatan.

"Banyak hotel terpaksa dikosongkan untuk perwakilan ke Apec walaupun tidak penuh. Mungkin pihak tuan rumah mahu memastikan keselamatan pemimpin Apec, mereka tidak menggalakkan kedatangan pelancongan pada masa ini," kata seorang pegawai keselamatan di pusat media.